



JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA NEGERI SARAWAK

KENYATAAN MEDIA SEGERA **SARAWAK HARI INI TIADA KES BAHARU POSITIF COVID-19** **DILAPORKAN**

1. LAPORAN HARIAN

Hari ini **tiada kes baharu** positif COVID-19 dilaporkan. Keseluruhan kes positif COVID-19 di Sarawak setakat hari ini kekal sebanyak **552** kes.

Dimaklumkan juga bahawa terdapat **13** kes baru yang telah sembuh dan discaj dari hospital dilaporkan pada hari ini. **Kesemua (13)** kes telah sembuh dan discaj tersebut adalah dari **Hospital Umum Sarawak**. Setakat hari ini, jumlah keseluruhan kes postif COVID-19 yang telah sembuh dan discaj ialah seramai **499** orang atau **90.40%**.

Seramai **72 PUI** baru dilaporkan dan seramai **428 (termasuk 339 PUS di Belawai)** kes masih menunggu ujian makmal.

2. OPERASI *ACTIVE CASE DETECTION* FASA, BELAWAI, TANJUNG MANIS

Aktiviti	Pencapaian
Jumlah Penduduk Disaring	339
Jumlah Rumah Dilawati	55
Penghantaran Sampel	
Hospital Umum Sarawak	339

3. LAPORAN PEMANTAUAN PEMATUHAN PKPB (12 MEI – 09 JUN 2020)

Pada hari ini sebanyak **6,629** jumlah permohonan pergerakan antara Daerah telah diterima oleh 28 buah Ibu Pejabat Daerah PDRM seluruh Sarawak menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **82,759 permohonan**. Daripada jumlah kumulatif tersebut, sebanyak **75,394** telah diluluskan, dan **7,365** ditolak.

Pasukan Pemantauan PKPB dengan kekuatan 720 anggota yang telah membuat pemantauan di seluruh Sarawak iaitu PDRM (321), ATM (42), RELA (185), APM (80), PBT (83), KKM (2), KPDNHEP (5) dan lain-lain agensi (2).

Pasukan pematuhan telah memantau sebanyak **1,897 lokasi** iaitu Pasaraya (352), Restoran (381), Kilang (34), Bank (161), Pejabat Kerajaan (91), Penjaja (23), Pasar Tani / Awam (114), Tempat Ibadah (105), Tempat Riadah (49), Tapak Pembinaan (23) dan lain-lain (564).

Pada hari ini, sebanyak **31 tangkapan** dibuat kerana ingkar PKPB. Manakala **31 orang awam telah dikompaun** kerana cuba merentas

Daerah tanpa permit Polis. Ini menjadikan sebanyak 128 orang telah dikompaun sejak 19 Mei yang lepas.

Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan Sarawak sehingga hari ini telah menerima **22,798** notifikasi perniagaan dan industri.

4. LAPORAN PEMANTAUAN DIGITAL SURVEILLANCE SOLUTION

Sehingga hari ini, pihak Sarawak Multimedia Authority telah melaporkan seramai **21,263** kemasukkan ke Sarawak (termasuk rakyat Sarawak). Daripada jumlah tersebut, **11,224** telah dimasukkan ke Pusat Kuarantin (Hotel), **9,126** telah diberikan *Stay Home Notice (Home Quarantine)*, **599** telah diberikan pengecualian (*essential services*) dan **314** telah dihantar ke Pusat Kuarantin kerana mempunyai gejala (*Person Under Investigation*).

5. KEPUTUSAN JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA

Jawatankuasa Pengurusan Bencana hari ini telah membuat beberapa keputusan berikut:

- a) Sekali lagi diingatkan kepada yang akan menyambut Hari Gawai, Ngabang Gawai dari rumah ke rumah dan rumah Panjang ke rumah Panjang **TIDAK DIBENARKAN**. Sambutan Hari gawai hanya disambut sehari sahaja. (Tetapi untuk upacara ritual seperti miring adalah **DIBENARKAN**)
- b) Pergerakan antara Daerah masih lagi **TIDAK DIBENARKAN**.
- c) Bilangan penumpang dalam kenderaan persendirian adalah tertakluk kepada kapasiti tempat duduk kenderaan tersebut.

- d) Pada hari ini YAB Ketua Menteri telah melancarkan dua aplikasi untuk memantapkan usaha penjejakan kontak.
1. COVID Trace adalah bertujuan untuk membolehkan penjejakan kontak dilakukan dengan mudah oleh KKM. Ianya dapat membantu apabila seseorang yang telah memuat turun di telefon bimbit masing-masing dan COVID Trace ini akan merekodkan maklumat-maklumat terperinci sesiapa sahaja yang berdekatan dengan pemilik telefon tersebut.
 2. Aplikasi Q-Munity pula adalah bertujuan untuk membolehkan pemilik perniagaan merekodkan pelangan-pelangan yang datang di premis mereka. Pelanggan tersebut tidak perlu mencatat nama dan nombor telefon seperti yang diamalkan sekarang. Dengan adanya Q-munity ini, pelanggan hanya perlu mengimbas QR Kod sebelum mereka masuk ke premis tersebut.
 3. Dengan itu, semua rakyat Sarawak adalah dipohon untuk memuat turun aplikasi COVID Trace. Manakala semua pemilik perniagaan pula dipohon untuk memuat turun QR Kod dan pada masa yang sama Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan Sarawak juga akan membekalkan QR Kod secara manual.

6. STATUS TERKINI WABAK RABIES

Hari ini, JPBN mengisytiharkan satu (1) lagi kawasan baharu wabak Rabies iaitu di Kampung Tian, Matu, Mukah. Memandangkan kawasan ini berada di luar 10 km radius yang telah diisytiharkan wabak Rabies sebelum ini, maka kawasan ini merupakan kawasan yang ke-64. Kawasan yang telah diisytiharkan sebagai kawasan wabak Rabies adalah Kuching (7), Sri Aman (5), Sibu (2), Miri (6), Sarikei (5), Kapit (1), Bintulu (4), Samarahan (4), Betong (3), Serian (22) dan Mukah (5).

Kes gigitan anjing yang diterima oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar Sarawak pada 25 Mei 2020 (Isnin) melibatkan seorang kanak-kanak berumur lima tahun yang digigit anjing peliharaannya pada 24 Mei 2020 (Ahad) di Taman Sanhill Barat, Sibu. Keputusan ujian pada 27 Mei 2020 melalui ujian *Antigen Rapid Rabies Ag Test* menunjukkan bahawa anjing tersebut adalah positif rabies. Sampel anjing tersebut juga telah dihantar ke Makmal Diagnosa Veterinar Sarawak untuk ujian makmal *Direct Fluorescent Antibody Technique* (FAT). Kes gigitan haiwan di Sibu khususnya anjing masih lagi tinggi dengan purata 35% bilangan kes notifikasi gigitan anjing bulanan yang diterima Jabatan Perkhidmatan Veterinar Sarawak (JPVS).

Wabak Rabies di Sarawak yang telah diisytiharkan pada 1 Julai 2017 kini telah memasuki tahun keempat. Wabak ini masih terkawal dan sejak Januari 2020 sehingga 27 Mei 2020, JPVS telah menerima 1,254 jumlah notifikasi kes gigitan haiwan yang terdiri daripada 81.9% haiwan bertuan dan 18.1% haiwan liar. Kebanyakan kes gigitan ini merupakan kes gigitan anjing yang disebabkan oleh provokasi terutamanya kepada anjing yang bertuan dan

orang ramai dinasihati untuk mengelak berbuat demikian bagi mengurangkan risiko serangan balas anjing di luar jangkaan.

Manakala pada tahun 2020 ini, jumlah persampelan kes gigitan melalui ujian *Direct Fluorescent Antibody Technique* (FAT) dan *Polymerase Chain Reaction* (PCR) yang diterima setakat hari ini pula adalah 116 (32.8% positif).

7. KESIAPSIAGAAN BAGI MENGHADAPI MUSIM KEMARAU

Saya memahami semua Jawatankuasa Pengurusan Bencana Bahagian sibuk menguruskan COVID-19. Pada masa yang sama kita juga bersiapsiaga bagi menghadapi musim kemarau.

Sehubungan itu, saya telah mengarahkan kepada semua agensi dan Jawatankuasa Pengurusan Bencana Bahagian untuk bersiapsiaga bagi memantau keadaan semasa dan memastikan semua logistik dan sumber manusia dapat digerakkan pada bila-bila masa.

Saya juga ingin menasihati kepada semua rakyat Sarawak untuk bersedia bagi menghadapi musim kemarau dengan langkah-langkah seperti berikut:

1. Minum air secukupnya
2. Mengurangkan aktiviti di luar
3. Elakan dari melakukan pembakaran terbuka
4. Jangan membuang puntung rokok di belukar
5. Memakai topeng muka yang bersesuaian
6. Menyimpan bekalan air secukupnya

8. UCAPAN SELAMAT HARI GAWAI

Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri Sarawak ingin mengucapkan Selamat Hari Gawai, Gayu Guru Gerai Nyamai, Lantang Senang Nguan Menua.

Hari Gawai Dayak menjelang tiba
Ianya disambut dalam PKP Bersyarat
Semua kita patuhi SOP sedia ada
Mudahan sambutan dirai dengan selamat

Pergi ke sungai menangkap semah
Bertemu dengan si rusa kijang
Dilarang berkunjung rumah ke rumah
Keluarga terdekat sahaja di rumah panjang

Nyambut gawai bala ayak ibuk
Masak berami pansuh manok
Ngabang gawai nadai tahun tok
Enti bisik salah, mintak ampun anang nganok

Stay Vigilant, Stay Safe, Stay Home, Save Lives

Jaga Sarawak Intu Sarawak

SEKRETARIAT

JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA NEGERI SARAWAK

29 MEI 2020

4.00 PETANG

MAKLUMAT TAMBAHAN

1. LAPORAN JABATAN KESIHATAN NEGERI SARAWAK

Kes Terdahulu	552	Kes sedang dirawat di hospital	35	6.34%
Kes Baharu	0	Kes di <i>Intensive Care Unit (ICU)</i>	1	0.18%
Jumlah Individu Disampel	42,385	Kes yang memerlukan bantuan pernafasan (<i>intubated</i>)	1	0.18%
Kes Positif Keseluruhan	552	Jumlah kes kematian	17	3.08%
IR per 100,000 penduduk	17.89	Kes telah sembuh dan discaj	499	90.40%
Keputusan Makmal (PUI)	Baru	Kumulatif	Baru	Kumulatif
Negatif	149	<i>Patient Under Investigation (PUI)</i>	72	7,271
Menunggu keputusan	40			

Status Semasa		SGH Kuching	Hospital Sibu	Hospital Bintulu	Hospital Miri	JUMLAH
Kes sedang dirawat di hospital		31	3	1	0	35
Kes di <i>Intensive Care Unit (ICU)</i>		1	0	0	0	1
Kes yang memerlukan bantuan pernafasan (<i>Intubated</i>)		1	0	0	0	1
Jumlah kes kematian		15	0	0	2	17
Kes telah sembuh dan discaj	Baru	13	0	0	0	13
	Kumulatif	428	28	12	31	499
Jumlah kemasukan semula ke hospital (<i>Re-tested Positive</i>)		9	8	2	0	19

DAERAH KUNING (5)											
No.	Daerah	Patient Under Investigation		Kes COVID-19		Kes Discaj		Kematian		Jumlah Kes Aktif	Jumlah kes yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari
		Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.		
1	Samarahan	0	507	0	97	6	86	0	4	7	1
2	Tanjung Manis	0	23	0	1	0	0	0	0	1	1
3	Bintulu	1	238	0	13	0	12	0	0	1	1
4	Serian	1	284	0	21	3	19	0	0	2	1
5	Kuching	38	4,596	0	332	4	300	0	10	22	4
Jumlah		40	5,648	0	464	13	417	0	14	33	8

Sumber : CPRC, Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak

DAERAH HIJAU (35)											
No.	Daerah	Patient Under Investigation		Kes COVID-19		Kes Discaj		Kematian		Jumlah Kes Aktif	Jumlah kes yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari
		Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.		
1	Sibu	0	101	0	7	0	5	0	0	2	0
2	Tebedu	0	6	0	3	0	3	0	0	0	0
3	Lundu	20	212	0	1	0	1	0	0	0	0
4	Bau	1	152	0	5	0	5	0	0	0	0
5	Limbang	0	28	0	9	0	8	0	1	0	0
6	Miri	6	524	0	23	0	22	0	1	0	0
7	Simunjan	0	56	0	7	0	7	0	0	0	0
8	Asajaya	0	40	0	5	0	5	0	0	0	0
9	Sri Aman	0	40	0	3	0	2	0	1	0	0
10	Betong	3	161	0	16	0	15	0	0	1	0
11	Lawas	0	12	0	1	0	1	0	0	0	0
12	Mukah	0	34	0	1	0	1	0	0	0	0
13	Matu	0	5	0	1	0	1	0	0	0	0
14	Sarikei	1	91	0	6	0	6	0	0	0	0
15	Saratok	0	21	0	0	0	0	0	0	0	0
16	Pusa	0	8	0	0	0	0	0	0	0	0
17	Kabong	0	3	0	0	0	0	0	0	0	0
18	Lubok Antu	0	17	0	0	0	0	0	0	0	0
19	Meradong	0	34	0	0	0	0	0	0	0	0
20	Julau	0	1	0	0	0	0	0	0	0	0
21	Pakan	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
22	Kanowit	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
23	Selangau	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
24	Tatau	0	8	0	0	0	0	0	0	0	0
25	Sebauh	0	2	0	0	0	0	0	0	0	0
26	Dalat	0	14	0	0	0	0	0	0	0	0
27	Daro	0	4	0	0	0	0	0	0	0	0
28	Kapit	0	28	0	0	0	0	0	0	0	0
29	Belaga	0	9	0	0	0	0	0	0	0	0
30	Song	0	4	0	0	0	0	0	0	0	0
31	Bukit Mabong	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
32	Marudi	1	8	0	0	0	0	0	0	0	0
33	Subis	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
34	Beluru	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
35	Telang Usan	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
Jumlah		32	1,623	0	88	0	82	0	3	3	0

Sumber : CPRC, Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak

2. LAPORAN ANGKATAN PERTAHANAN AWAM (APM)

Pada hari ini, seramai **87 Person Under Surveillance** (PUS) telah mendaftar masuk di hotel untuk menjalani kuarantin, menjadikan jumlah keseluruhan PUS di **38 buah hotel** adalah seramai **612 orang**.

Manakala seramai **12,187 PUS** telah tamat menjalani tempoh kurantin.

(Data sehingga 29.05.2020 @ 8.00 pagi)

BIL	BAHAGIAN	HOTEL	BILANGAN PUS
1	Kuching (241)	Hock Lee	31
2		Rajah Court Dorman	0
3		Kuching Park	0
4		Pullman	92
5		Hilton	58
6		Harbour View	0
7		Waterfront	0
8		Riverside (Astana Wing)	22
9		Riverside (Puteri Wing)	16
10		Grand Margherita	9
11		Imperial Boulevard	13
12	Miri (113)	Mega	14
13		Somerset	18
14		Ostay Inn	1
15		Cosy Inn	0
16		Imperial Palace	22
17		Eastwood Valley	10
18		Imperial	2

19		Kingwood	0
20		Paragon	11
21		Meritz	34
22		Miri Hotel	1
23	Bintulu	Wasan Inn	16
24	(184)	Park City Everly	51
25		Fairfield By Marriott	101
26		101 Hotel	14
27		Kidurong Inn	0
28		Kapok Inn	2
29	Limbang	Purnama	10
30	(49)	Seri Malaysia (Lawas)	37
31		Shangsan	0
32		Mandarin	2
33	Sibu	RH Hotel	4
34	(25)	Premier Hotel	18
35		Li Hua	1
36		Medan	0
37		Paramount	0
38		Tanah Mas	2
Jumlah PUS			612

3. LAPORAN PBT DAN JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA (JBPM)

Pada hari ini, sebanyak **12 lokasi operasi nyahcemar** telah dilakukan dan menjadikan bilangan kumulatif di Sarawak adalah **807 lokasi** seperti berikut:

(Data sehingga 29.05.2020 @ 8.00 pagi)

BIL	BAHAGIAN	LOKASI
1	Kuching	267
2	Miri	148
3	Bintulu	63
4	Sarikei	54
5	Samarahan	54
6	Limbang	46
7	Sibu	42
8	Betong	32
9	Sri Aman	30
10	Kapit	26
11	Serian	23
12	Mukah	22
Jumlah		807

Selain daripada itu juga Unit Kesihatan Awam dari PBT telah melaksanakan program nyahcemar di **47 lokasi** oleh PBT yang menjadi tumpuan orang ramai seperti berikut:

(Data sehingga 29.05.2020 @ 8.00 pagi)

BIL	PBT	LOKASI
1	MP Padawan	1
2	MD Kota Samarahan	1
3	MD Serian	3
4	MD Sri Aman	3
5	MD Lubok Antu	1
6	MP Sibu	10
8	MB Miri	21
9	MD Limbang	7
Jumlah		47